

HARTANAH: SENTIMEN PEMBELI LEBIH POSITIF

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: MIDF Research lebih positif terhadap prospek sektor harta tanah di dorong sentimen pembeli yang lebih baik dan permintaan lebih kukuh.

Menurut mereka, jualan baharu syarikat harta tanah bertambah baik yang harus diterjemahkan ke dalam keterlihatan pendapatan yang lebih baik maju ke hadapan.

Katanya, sentimen belian harta tanah dijangka kekal sihat pada masa hadapan sebagai landskap harta tanah sektor yang sedang bertambah baik.

"Pilihan utama kami untuk sektor ini ialah Mah Sing Group dan Matrix Concepts.

"Kami suka Matrix Concepts kerana jualan baharunya kekal menggalakkan manakala, pengembangan bank tanah di Labu akan terus memberangsangkan pertumbuhan pendapatan."

"Kami juga menyukai Mah Sing kerana strategi pemulihannya yang cepat dan pendedahan yang tinggi kepada rumah mampu milik melalui projek siri M," katanya dalam kenyataan.

Firma penyelidikan itu memberitahu, kehadiran yang semakin meningkat dalam segmen harta tanah perindustrian akan menyokong pertumbuhan pendapatan dalam jangka segerhana dan jangka panjang.

Sementara itu, syarikat harta tanah yang membuat kesimpulan tahun kewangan 2023 iaitu Sunway Berhad, S P Setia, Mah Sing Group dan UOA Development melaporkan jualan baharu yang lebih tinggi pada 2023.

"Syarikat harta tanah secara amnya lebih optimistik mengenai prospek tahun kewangan 2024 dengan menetapkan sasaran jualan baharu yang lebih tinggi.

"Sunway Berhad menyasarkan untuk mencapai jualan baharu sebanyak RM2.6 bilion pada tahun kewangan 2024 selepas merekodkan jualan baharu sebanyak RM2.4 bilion pada tahun kewangan 2023.

"Begini juga, Kumpulan Mah Sing menetapkan sasaran jualan baharu yang lebih tinggi sebanyak RM2.5 bilion untuk tahun kewangan 2024 selepas mencecah jualan baharu sebanyak RM2.26 bilion pada tahun kewangan 2023.



PROSPEK sektor harta tanah dijunjung positif tahun ini berdasarkan permintaan yang lebih kukuh. - GAMBAR HIASAN

"SYARIKAT HARTANAH SECARA AMNYA LEBIH OPTIMISTIK MENGENAI PROSPEK TAHUN KEWANGAN 2024 DENGAN MENETAPKAN SASARAN JUALAN BAHARU YANG LEBIH TINGGI."

Sementara itu, S P Setia pula mencatatkan jualan baharu sebanyak RM5.1 bilion pada tahun kewangan 2023 hasil jualan tanah sebanyak RM836 juta pada tahun kewangan 2023.

Tidak termasuk tanah jualan, jualan harta tanah baharu dianggarkan RM4.2 bilion pada kewangan 2023 manakala, pihak pengurusan menetapkan sasaran jualan baharu sebanyak RM4.4 bilion untuk tahun kewangan 2024.

Baru-baru ini, Laporan Pas-

ran Hartanah 2023 Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), bilangan kediaman tidak terjual memperlihatkan momentum yang memberangsangkan dengan bilangannya terus berkurang berbanding 2022.

Terdapat 25,816 unit siap dibina tidak terjual bernilai RM17.68 bilion direkodkan pada 2023, menyusut 7.0 peratus.

Nilai unit kediaman yang tidak dijual merosot kepada 4.0 peratus kepada 17.68 bilion daripada RM18.41 bilion setahun sebelumnya.

Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) berada pada 216.5 mata (RM467,144 seunit) dalam 2023P dengan pertumbuhan tahunan sederhana 3.2 peratus.

Semua negeri utama mencatat pertumbuhan tahunan yang positif masing-masing diadului oleh Johor (6.2 peratus), Pulau Pinang (3.8 peratus), Selangor (2.9 peratus) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1.8 peratus).

Prestasi kompleks perniagaan menyaksikan pertumbuhan segerhana pada tahun 2023, apabila kadar penghunian meningkat sedikit kepada 77.4 peratus.